



TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988 P.U. (A) 276/1997 PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA (KUMPULAN WANG KEBAJIKAN JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA) 1997

Tarikh Penyiaran:
Tarikh mula berkuatkuasa:

17 Julai 1997
17 Julai 1997

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Mukadimah

- Peraturan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.
- Peraturan 2. Pentadbiran dan penggunaan Kumpulan Wang.
- Peraturan 3. Wang yang terakru.
- Peraturan 4. Kos pengurusan dan pengendalian.
- Peraturan 5. Pembayaran.
- Peraturan 6. Pemberian pinjaman.
- Peraturan 7. Hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.
- Peraturan 8. Akaun.

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 62(1)(o) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [Akta 341], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Nama dan mula berkuatkuasa.

Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Kumpulan Wang Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba) 1997** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 17 Julai 1997.

2. Pentadbiran dan penggunaan Kumpulan Wang.

Kumpulan Wang hendaklah ditadbirkan dan digunakan mengikut peruntukan Akta, Akta Prosedur Kewangan 1957 [Akta 61] dan Peraturan-Peraturan ini.

3. Wang yang terakru.

(1) Segala wang yang terakru kepada Kumpulan Wang di bawah subseksyen 48(2) Akta hendaklah dibayar tanpa apa-apa potongan kepada Akauntan Negara dan dikreditkan ke dalam Kumpulan Wang.

(2) Akauntan Negara hendaklah menyenggara akaun yang sewajarnya bagi Kumpulan Wang.

4. Kos pengurusan dan pengendalian.

Apa-apa kos, perbelanjaan atau tanggungan berkaitan dengan pengurusan atau pengendalian Kumpulan Wang boleh dicajkan kepada Kumpulan Wang tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa secara bertulis.

5. Pembayaran.

Segala pembayaran daripada Kumpulan Wang hendaklah diperakukan oleh Pengerusi Jawatankuasa atau semasa ketiadaannya oleh seorang Pegawai Kanan Bomba yang juga merupakan anggota Jawatankuasa.

6. Pemberian pinjaman.

Pinjaman yang diberikan daripada Kumpulan Wang hendaklah-

(a) dijamin oleh dua penjamin yang diluluskan secara bertulis oleh seorang anggota Jawatankuasa atau bercagarkan harta tak alih yang digadaijanjikan;

(b) tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Jawatankuasa;

(c) dikenakan faedah pada apa-apa kadar yang ditentukan oleh Jawatankuasa; dan

(d) walau apa pun perenggan (c), diberikan tanpa faedah jika tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan dibayar balik dalam tempoh empat tahun dari tarikh pinjaman diberikan.

7. Hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

Mana-mana pinjaman atau bahagian pinjaman yang diberikan daripada Kumpulan Wang dan caj perkhidmatan yang kena dibayar berkaitan dengan pemprosesan, kelulusan, pengurusan, penebusan dan mendapatkan bayaran pinjaman hendaklah disifatkan sebagai hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan dan hendaklah didapatkan dengan sewajarnya.

8. Akaun.

(1) Jawatankuasa atau mana-mana orang yang diberikuasa secara bertulis oleh Jawatankuasa hendaklah dengan sewajarnya menyimpan dan menyenggara akaun Kumpulan Wang yang hendaklah diimbangi secara bulanan dengan akaun yang disenggara oleh Akauntan Negara.

(2) Kumpulan Wang hendaklah mempunyai kredit pada setiap masa dan tidak boleh terlebih keluar.

(3) Jawatankuasa hendaklah dengan seberapa segera yang boleh selepas 31 Disember setiap tahun, tetapi dalam mana-mana hal tidak lewat daripada 31 Mac tahun kewangan yang berikutnya, mengemukakan kepada Ketua Audit Negara penyata akaun yang menunjukkan baki permulaan, penerimaan ke dalam, pembayaran daripada dan baki penutup akaun Kumpulan Wang bagi tahun ini.

(4) Suatu saliran penyata akaun yang telah diperiksa dengan sewajarnya oleh Ketua Audit Negara hendaklah dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Akauntan Negara.

(5) Akaun Kumpulan Wang hendaklah ditutup apabila ia tidak lagi dikehendaki dan baki kreditnya jika ada, hendaklah dikreditkan ke dalam akaun yang relevan dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan mengikut peruntukan subseksyen 9(5) dan 9(6) Akta Prosedur Kewangan 1957 [Akta 61].

Dibuat 20 Jun 1997.

[KPKT (S) 01/563/1 Jld. 2; PN. (PU²) 471/II.]

DATO' DR TING CHEW PEH,
*Menteri Perumahan dan
Kerajaan Tempatan*